



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN



KUPASAN MUTU JAWAPAN

Sijil Pelajaran Malaysia 2025



**BAHASA
MELAYU
Kertas 2
1103/2**

1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran:	1103/2
Bentuk Ujian:	Ujian Subjektif
Markah Penuh:	100 markah
Masa:	2 jam 30 minit

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 2 mengandungi 3 bahagian iaitu **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C**

Bahagian A:	Mengandungi 5 soalan. Semua soalan wajib dijawab (35 markah)
Bahagian B:	Mengandungi 3 soalan. Semua soalan wajib dijawab. (35 markah)
Bahagian C:	Mengandungi 1 soalan. Semua soalan wajib dijawab (30 markah)

2.0 PRESTASI CALON

2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Calon dapat menjawab soalan Bahagian A dengan baik. Calon dapat menguasai aspek morfologi, sintaksis, penyuntingan, Bahasa Melayu standard dan peribahasa dengan baik mengikut peraturan pemarkahan yang diberi.

2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat menulis jawapan mengikut kehendak soalan dengan tepat. Dalam Bahagian A calon menguasai tatabahasa aspek morfologi dan sintaksis. Calon juga dapat menyunting sebahagian besar daripada kesalahan bahasa dalam bahan. Terdapat calon yang dapat menukarkan Bahasa Melayu klasik kepada Bahasa Melayu standard dengan tepat. Bagi soalan peribahasa, calon dapat menjawab soalan dengan menepati kehendak peraturan pemarkahan.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon masih dapat menulis jawapan mengikut kehendak soalan dengan tepat. Dalam Bahagian A calon menguasai aspek morfologi dan sintaksis tetapi melakukan sedikit kesalahan tatabahasa. Selain itu, calon juga masih dapat menyunting kesalahan bahasa dalam bahan. Calon dapat menukarkan Bahasa Melayu klasik kepada Bahasa Melayu standard dengan baik tetapi terdapat beberapa kosa kata klasik yang dikekalkan. Bagi soalan peribahasa, calon dapat menjawab sebahagian daripada soalan dengan tepat.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Soalan 1: Morfologi

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata pinjaman bahasa Inggeris. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata pinjaman bahasa Inggeris tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Pada suatu ketika dahulu, angkasa merupakan sebuah tempat yang tidak mungkin dilawati. Namun begitu, dengan perkembangan teknologi angkasa lepas, ruang cakerawala tidak lagi menjadi lokasi yang mustahil sebagai tempat pelancongan menarik untuk diterokai oleh manusia. Penerokaan manusia ke angkasa lepas bermula apabila program angkasa Vostok dari Kesatuan Soviet berjaya untuk menerbangkan seorang angkasawan ke angkasa lepas bagi kali pertama dalam sejarah. Dengan kejayaan menghantar angkasawan ke angkasa, industri ini telah membuka ruang kepada orang awam untuk ke angkasa sebagai pelancong angkasa. Sebenarnya, pelancongan angkasa dibuat bagi tujuan pengembaraan dan rekreasi di angkasa lepas.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Angkasa Lepas Destinasi Pelancongan Baharu'
oleh Kassim Bahali,
Dewan Kosmik, Bil. 01/2022

Calon perlu mengenal pasti dan menyenaraikan **empat kata pinjaman bahasa Inggeris**. Kemudian, calon dikehendaki membina **satu ayat sendiri** daripada setiap **kata pinjaman bahasa Inggeris** tersebut untuk menunjukkan bahawa calon faham akan maksud dan penggunaannya. Calon tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

1.	lokasi
	Terdapat beberapa lokasi pelancongan yang menjual kraf tangan tempatan.
2.	teknologi
	Petani telah menggunakan teknologi moden dalam penanaman padi untuk memudahkan kerja.
3.	program
	Pelbagai program telah dilaksanakan untuk memupuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat
4.	industri
	di negara kita untuk Industri merupakan sektor penting, menjana pendapatan negara.

Calon memberikan jawapan yang menepati tugas soal. Calon berjaya membina ayat yang gramatis dan menunjukkan maksud bagi perkataan yang diuji.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

1) teknologi
= Perkembangan teknologi merupakan salah satu kesan perkembangan negara yang pesat
2) Vostok
= Program angkasa Vostok merupakan program pertama yang membenarkan manusia memijak bulan bulan
3) Kesatuan Soviet
= Kesatuan Soviet ma wujud bermula perang dunia ke-2, dari ta negara Rusia.
4) rekreasi
= Guru sering mengajak anak murid melakukan aktiviti rekreasi di luar kelas

Calon hanya menyenaraikan dua perkataan yang diuji dengan tepat dan membina ayat gramatis yang menepati maksud dan penggunaannya.

Soalan 2: Sintaksis

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, kenal pasti dan tulis pola bagi ayat-ayat yang bergaris sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) dan Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FS). Anda dikehendaki supaya menyalin ayat-ayat yang bergaris tersebut semula dengan menuliskan pola ayat.

Contoh: Mulberi ialah tumbuh-tumbuhan yang sangat unik. – FN+FN

Mulberi ialah tumbuh-tumbuhan yang sangat unik. Buahnya terdapat dalam pelbagai saiz dan bentuk. Daun, buah dan batang kayunya boleh dimanfaatkan untuk tujuan kehidupan. Daunnya enak dimakan apabila digoreng dengan tepung. Buahnya sangat lebat jika dahannya kerap dicantas. Asal pokok mulberi dari negara China, Afrika dan Asia. Dari segi taksonomi, mulberi tergolong dalam kategori tumbuh-tumbuhan perdu. Mulberi membiak dengan mudah asalkan mendapat sinar matahari yang banyak. Mulberi yang semakin dikenali ini banyak khasiatnya seperti memperbaiki penglihatan mata. Selain itu, manfaat mulberi untuk merawat kencing manis atau diabetes juga.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Karismatik Mulberi'
oleh Khairul Nizam Zainal Badri,
Dewan Kosmik, Bil. 08/2022

Calon dikehendaki **mengenal pasti dan menulis pola** bagi ayat-ayat yang bergaris.
Calon dikehendaki **menyalin ayat-ayat yang bergaris** tersebut semula.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

soalan 2
1. daun, buah dan batang kayunya boleh dimanfaatkan untuk tujuan kehidupan – FN + FK
2. daunnya enak dimakan apabila digoreng dengan tepun tepung – FN + FA
3. Asal pokok mulberi dari negara China, Afrika dan Asia – FN + FS
4. Mulberi yang semakin dikenali ini banyak khasiatnya seperti memperbaiki penglihatan mata – FN + FN
5. manfaat mulberi untuk merawat kencing manis atau diab diabetes juga – FN + FN FN + FS

Calon dapat menulis pola ayat dengan tepat dan menyalin ayat-ayat tersebut.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

i) Daun, buah dan batang kayunya boleh dimanfaatkan untuk tujuan kehidupan. — FN + FN
ii) Daunnya enak dimakan apabila digoreng dengan tepung. — FN + FA
iii) Asal pokok mulberi dari negara China, Afrika dan Asia. — FN + FS
iv) Mulberi yang semakin dikenalinya dikenali ini banyak khasiatnya seperti memperbaik penglihatan mata. — FN + FK
v) Manfaat mulberi untuk merawat kencing manis atau diabetes juga. — FN + FS

Calon dapat mengenal pasti hanya tiga pola ayat dengan tepat dan menyalin ayat-ayat tersebut

Soalan 3: Penyuntingan

- 3 *Teks ucapan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin teks ucapan tersebut.*

Salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

Terima kasih kepada tuan pengerusi majlis.

Yang Berusaha Encik Razali Shah bin Haji Aman, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Paya Keladi, Klang, Yang Dihormati Encik Murad bin Yatim, Yang Dipertua PIBG SMK Seri Paya Keladi, Klang, Yang Berusaha Puan Siti Khajar binti Amin, Penolong Kanan Pentadbiran, Puan Zarina binti Araffin, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Tuan Haji Zainurin bin Mohamed, Penolong Kanan Ko-kurikulum, barisan guru, ibu bapa dan murid-murid yang dikasihi sekalian.

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak sekolah kerana sudi mengundang saya di Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik sekolah ini. Terima kasih kepada guru-guru yang berjaya untuk memartabatkan profession perguruan sehingga mampu melahirkan modal insan yang berkualiti. Tahniah kepada kedua ibu bapa yang menunjukkan komitmen yang tinggi dengan hadir ke majlis ini. Saya sangat berharap agar majlis ini dapat dijadikan asas dimulakan anjakan paradigma menjanakan modal insan yang terbilang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Sebenarnya, kejayaan seseorang murid tidak terletak dengan usaha dan kesungguhan guru semata-mata. Selain guru yang diumpamakan lilin membakar diri ini, keluarga turut berperanan untuk melukiskan masa depan anak-anak. Malahan bagi saya, faktor kejayaan yang paling utama adalah pada diri murid itu sendiri. Mereka perlu sentiasa mempunyai motivasi yang tinggi untuk mencapai kejayaan. Pada kesempatan ini, saya ingin melontarkan cabaran kepada murid-murid agar dapat membuktikan yang anda mampu meneruskan kejayaan yang lebih gemilang. Berusahalah dengan lebih gigih berbekalkan dengan ilmu yang dicurahkan oleh guru-guru untuk memperoleh kejayaan dan seterusnya mengharumkan nama sekolah.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Saya percaya, majlis pada hari ini selari dengan matlamat memberikan dorongan dan memotivasikan murid-murid agar terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam semua bidang. Diharapkan semoga program seperti ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang, bukan sahaja untuk murid yang cemerlang namun yang kurang cemerlang juga supaya ada peningkatan atau kemajuan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua murid atas kejayaan anda. Akhir kata, dengan ini saya merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik SMK Seri Paya Keladi, Klang.

Sekian dan terima kasih.

Dipetik dan diubah suai daripada
www.greateacheraja.blogspot.com

Calon dikehendaki mengenal pasti, menyenaraikan **pelbagai kesalahan bahasa** dan **membetulkan kesalahan** tersebut. Calon tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sepuluh kesalahan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

	Kesalahan	Pembetulan
1.	Ko-kurikulum	Kokurikulum
2.	di	ke
3.	professon	profesion
4.	kedua	kedua-dua
5.	dimulakan	permulaan
6.	dengan	pada
7.	Pada	Dengan
8.	berbekalkan dengan ilmu	berbekalkan ilmu
9.	Diharapkan semoga	Ahah Semoga
10.	mengakhirkan	mengakhiri

Calon dapat menyenaraikan lapan daripada sepuluh kesalahan dan membetulkannya.

Contoh jawapan calon prestasi sederhana

Ko-kurikulum	—	kurikulum
profession	—	profesyen
dimulakan	—	permulaan
mengakhirkan ucapan	—	mengakhiri ucapan
di	—	ke
kedua ibu bapa	—	kedua-dua ibu bapa
dengan	—	pada
masa depan	—	masa hadapan
melukiskan	—	mencorakkan
berbekalkan dengan	—	berbekalkan
masa-masa	—	masa

Calon hanya dapat menyenaraikan dan membetulkan enam daripada sepuluh kesalahan.

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

- 4 Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Maka titah raja pada Tun Kasturi, "Pergilah Bentara menghadapi orang mengangkut segala harta dan kerahkan segala orang mengangkut harta itu."

Maka Bentara pun menyembah lalu pergi dengan rakyat mengangkut segala harta itu di Bukit Cina. Maka harta itu pun terlalu banyak. Maka segala harta itu ditimbunkan di halaman balairung itu, tujuh hari tujuh malam berangkut segala harta itu.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Calon dikehendaki menulis semula prosa klasik kepada bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

4	Raja bertitah kepada Tun kasturi, "Bentara pergilah berjumpa orang untuk mengangkut semua harta dan kerah semua orang mengangkut harta itu."
	Bentara memohon sembah lalu pergi bersama rakyat mengangkut semua harta itu dari Bukit Cina. Terlalu banyak harta yang dijumpai. Semua harta itu dikumpulkan di halaman balairung, selama tujuh hari tujuh malam mengangkut semua harta itu.

Calon menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard dengan isi yang cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan tatabahasa minimum. Calon juga menggunakan tanda baca dengan betul.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Soalan 4
Raja bertitah kepada Tun Kasturi, "Pergilah Bentara menghadapi orang yang mengangkut segala harta dan mengerahkan segala orang mencuri harta itu."
Bentara menyembah lalu pergi bersama rakyat untuk mengangkut segala harta itu di Bukit Cina. Harta itu terlalu banyak. Segala harta itu disimpan di dalam halaman balairung itu, Bentara memerlukan tujuh hari dan tujuh malam untuk berangkut segala harta itu.

Calon masih dapat menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard. Calon masih dapat mengemukakan isi yang cukup dan mengikut urutan tetapi ayat kurang gramatis.

Soalan 5: Peribahasa

- 5 Baca dialog di bawah dengan teliti. Kemudian, isikan tempat-tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai mengikut situasi.

Kamil : Raju, aku berasa agak marah ketika aku sedang mengulang kaji pelajaran di dalam kelas tadi.

Raju : Kenapa pula?

Kamil : Suara Nani yang sedang bercakap dengan kawan-kawan sangat bising. Dia tidak berhenti-henti bercakap(i)..... menyebabkan aku tidak boleh fokus mengulang kaji pelajaran.

Raju : Betullah. Aku pun perasan tadi. Peperiksaan semakin hampir. Sepatutnya mereka menggunakan masa yang terluang dengan mengulang kaji pelajaran kerana(ii).....

Kamil : Sepatutnya mereka memanfaatkan masa dengan perkara yang lebih baik. Guru-guru sering menasihati mereka tetapi mereka tidak mengendakkannya seperti peribahasa(iii).....

Raju : Harap kita tidak melakukan perkara yang sama.

Calon perlu memberikan **peribahasa** yang sesuai mengikut situasi bagi ketiga-tiga tempat kosong yang disediakan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

i	seperti murai tercabut ekor
ii	masa itu emas
iii	masuk telinga kanan, keluar telinga kiri

Calon dapat memberikan peribahasa yang tepat bagi ketiga-tiga situasi yang diuji.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(i)	seperti mulut murai
(ii)	masa itu emas
(iii)	bagai mencurah air ke dalam keladi

Calon hanya dapat memberikan peribahasa yang tepat bagi dua situasi yang diuji.

2.3 CADANGAN/ SYOR BAHAGIAN A

2.3.1 Calon

- a) Menguasai semua kemahiran tatabahasa bahasa Melayu.
- b) Menjadikan Kamus Dewan, Tatabahasa Dewan, kamus peribahasa, kamus prosa tradisional dan glosari prosa tradisional tingkatan empat dan tingkatan lima sebagai bahan rujukan.
- c) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan terkini seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa, Kamus Peribahasa dan bahan bacaan dalam Internet.
- d) Memahami dan menguasai maksud prosa tradisional Kepimpinan Melalui Teladan (Tingkatan 4) dan Burung Terbang Dipipiskan Lada (Tingkatan 5).

2.3.2 Guru

- a) Menggunakan pelbagai sumber bahan pembelajaran.
- b) Mengikuti perkembangan kosa kata dan tatabahasa terkini.
- c) Menjadikan buku Tatabahasa Dewan, Kamus Dewan dan Kamus Peribahasa sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) wajib di dalam kelas.
- d) Memberikan penekanan terhadap turutan kemahiran tatabahasa seperti yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).
- e) Memberi penekanan teks prosa tradisional Kepimpinan Melalui Teladan (Tingkatan 4) dan Burung Terbang Dipipiskan Lada (Tingkatan 5).
- f) Menguasai tema dan kemahiran yang terdapat dalam DSKP.
- g) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

2.4.1 Prestasi Keseluruhan

Calon dapat menjawab soalan Bahagian B pada tahap baik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan pemahaman berdasarkan petikan dengan cemerlang. Sebahagian calon dapat menjawab soalan KBAT dengan isi yang cukup dan gramatis.

2.4.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat memberikan jawapan dengan tepat, jelas dan menepati kehendak soalan termasuk soalan KBAT. Jawapan calon cukup dan gramatis. Calon menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan menyatakan idea dengan cemerlang.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon masih memberikan jawapan mengikut kehendak soalan. Jawapan calon tidak cukup tetapi masih gramatis. Calon menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan menyatakan idea dengan baik.

2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Bidang keusahawanan merupakan salah satu kemahiran yang diterapkan kepada semua mahasiswa di universiti. Setiap universiti wajar merangka program khas keusahawanan. Oleh itu, *hala tuju program* untuk melahirkan mahasiswa yang bercirikan usahawan perlu dipandang serius. Latihan dan bimbingan kepada graduan yang menceburi bidang keusahawanan juga seharusnya dilaksanakan secara konsisten.

Tujuan pelibatan mahasiswa dalam bidang usahawan merupakan keperluan terdesak akibat faktor ekonomi. Jalan keluar yang lazim diambil adalah dengan melibatkan diri dalam bidang perniagaan kerana dapat menjanakan pendapatan sendiri. Mereka menjual barangan yang dihasilkan oleh pengusaha sedia ada atau menjadi ejen jualan, menjadi peniaga francais, membeli entiti perniagaan kecil yang sedia ada atau memulakan entiti perniagaan yang baharu. Secara tidak langsung, mereka dapat mempersiapkan diri dengan pelbagai pengalaman dalam bidang perniagaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Graduan Usahawan: Keperluan Terdesak atau Peka Peluang'
oleh Norfarah Nordin,
Dewan Ekonomi, Bil. 10/2017

Bahan 2

Keusahawanan bukan sesuatu yang baharu dalam kalangan mahasiswa. Mereka disarankan agar menerapkan ilmu itu kerana menjadi sebahagian daripada lonjakan pertama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Mahasiswa perlu kreatif untuk mencari peluang berniaga ketika belajar.

Menurut seorang pelajar tahun tiga Fakulti Sains sebuah universiti tempatan yang terlibat dalam bidang ini, perniagaan tidak hanya tertumpu pada jualan fizikal, tetapi juga pemasaran dalam talian. Katanya lagi, dengan menceburi bidang keusahawanan semasa di universiti, pelajar dapat belajar cara untuk mendapatkan wang sampingan. Selain itu, mereka mampu membina satu jaringan perniagaan yang luas. Pendek kata, mahasiswa perlu merebut peluang ini untuk menghadapi masa depan yang lebih mencabar.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Keusahawanan Siswa'
oleh Suliati Asri,
Harian Metro, Bil. 08/2015

Soalan 6 (i)

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *hala tuju program*.

Calon perlu **memberikan maksud rangkai kata** *hala tuju program*.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

6 (i)	Berdasarkan Bahan 1, maksud rangkai kata hala tuju program ialah matlamat acara.
-------	---

Calon dapat memberikan maksud rangkai kata yang tepat dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

i)	Berdasarkan bahan 1, maksud rangkai kata hala tuju program ialah tujuan program.
----	---

Calon hanya memberikan maksud satu perkataan sahaja dengan tepat dan menyalin sebahagian perkataan yang diuji.

Soalan 6 (ii)

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kelebihan-kelebihan seseorang mahasiswa yang menceburi bidang keusahawanan.

Calon perlu memberikan **sekurang-kurangnya satu jawapan** daripada semua bahan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(ii) Dengan merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, kelebihan-kelebihan seseorang mahasiswa yang menceburi bidang keusahawanan ialah dapat menjanakan pendapatan sendiri. Selain itu, mereka dapat mempersiapkan diri dengan pelbagai pengalaman dalam bidang perniagaan. Manakala bagi Bahan 2 pula ialah pelajar dapat belajar cara untuk mendapatkan wang sampingan. Selain itu, mereka mampu membina satu jaringan perniagaan yang luas.

Calon dapat mengemukakan isi yang cukup, menyentuh semua bahan dan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(ii) Dengan merujuk bahan 1, kelebihan seseorang mahasiswa yang menceburi bidang keusahawanan ialah pelibatan mahasiswa dalam bidang usahawan merupakan keperluan terdesak akibat faktor ekonomi. Dengan merujuk bahan 2, pelajar dapat belajar cara untuk mendapatkan wang stat sampingan juga merupakan kelebihan seseorang mahasiswa yang menceburi bidang keusahawanan.
--

Calon tidak memberikan isi yang cukup tetapi menyentuh semua bahan, namun ayat masih gramatis.

Soalan 6 (iii)

- (iii) Bidang keusahawanan memberikan banyak kelebihan kepada graduan-graduan, namun dikatakan masih ramai dalam kalangan mereka tidak mahu melibatkan diri dalam bidang tersebut sehingga sanggup menganggur.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk menggalakkan mereka menceburi bidang tersebut?

Calon perlu **menyatakan usaha-usaha** untuk menggalakkan graduan menceburi bidang keusahawanan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

iii) Pada pendapat saya, usaha-usaha untuk menggalakkan mereka menceburi bidang keusahawanan ialah pihak kerajaan mestilah ~~memberi-mengan~~ mengadakan kempen kesedaran kepada graduan-graduan. Selain itu, ibu bapa mestilah menggalakkan anak-anak mereka dan memberi sokongan kepada anak untuk menceburi bidang tersebut. Seterusnya, pihak kerajaan boleh memberi subsidi kepada graduan-graduan untuk memulakan bidang ini.

Calon dapat memberikan isi yang cukup dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

iii) Pada pendapat saya, usaha-usaha untuk ~~meny~~ menggalakkan mereka ~~meny~~ menceburi bidang tersebut ialah mengadakan kempen keusahawanan. Hal ini dilakukan demikian kerana, para graduan boleh mempelajari banyak mualakan perniagaan dan boleh melibatkan diri dalam keusahawanan. Kesanya, ~~para~~ para graduan akan lebih menarik minat untuk menceburi dan ~~mengetah~~ mengetahui lebih dalam tentang bidang keusahawanan.

Calon memberikan hanya satu jawapan tepat dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 6 (iv)

- (iv) Rakan anda telah menceburi bidang perniagaan tetapi tidak mendatangkan pulangan yang lumayan seperti yang diharapkan. Rakan anda berasa sangat kecewa dan meluahkan hasrat untuk menghentikan perniagaannya.

Sebagai seorang rakan yang telah berjaya dalam bidang tersebut, berikan cadangan-cadangan untuk meningkatkan perniagaan rakan anda.

Calon perlu memberikan **cadangan-cadangan** untuk meningkatkan perniagaan rakan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

iv) sebagai seorang rakan yang telah berjaya dalam
bidang tersebut, cadangan-cadangan untuk meningkatkan
perniagaan rakan saya ialah / saya akan mencadangkannya untuk mempromosikan produk
jualannya menerusi media sosial. Selain itu, saya akan
mencadangkan rakan saya untuk mendapatkan pandangan
daripada pakar dalam bidang keusahawanan. Seterusnya,
saya juga akan mencadangkan rakan saya untuk
menjalinkan kerjasama perniagaan dengan syarikat
perniagaan lain untuk meningkatkan hasil pulangan.
Malahan, saya turut mencadangkan rakan saya memilih
pembekal alternatif untuk mendapatkan bahan mentah
dengan harga yang lebih murah agar keuntungan dapat
dimaksimumkan.

Calon dapat mengemukakan isi yang cukup dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(iv) Sebagai seorang rakan yang telah berjaya dalam bidang
tersebut , saya akan mencadangkan supaya rakan
menelaah lebih banyak buku-buku berkaitan bidang
perniagaan . Selain itu , saya akan menasihatkan rakan
saya untuk menyertai program untuk meningkatkan
kemahiran dalam menguruskan perniagaan . Seterusnya,
saya akan mencadangkan supaya rakan saya memulakan
perniagaan secara kecil-kecilan dahulu . Di samping itu ,
rakan saya boleh mempromosikan perniagaannya
secara atas talian menerusi aplikasi - aplikasi dan media
sosial . Akhir sekali , saya akan mencadangkan supaya
rakan saya berniaga kepada orang-orang terdekat dahulu
seperti ahli keluarga , rakan dan jiran .

Calon memberikan dua isi yang tepat dan menggunakan ayat gramatis.

Soalan 7 (i)

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

JIWA GURU

Apabila kita seorang guru
Pastikan kita berjiwa guru
Berhati bersih dan suci
Tidak ada benci-membenci
Hati dan minda sentiasa terbuka

Bila kita berjiwa guru
Pastikan perkataan ini tiada di jiwa
Masa kerja telah habis
Itu bukan kerja saya
Ini bukan kerja murid
Saya tidak dapat apa-apa
Buat apa susah-susah
Cukuplah apa yang kita sudah buat
Buat apa kerja rajin-rajin

Ingatlah
Sekali kita bergelar guru
Perkataan kita jadi ingatan
Kelakuan kita jadi ikutan
Amalan kita jadi panduan

Oleh itu
Jadilah cikgu yang berjiwa guru
Hati bersih sentiasa pemaaf
Rela bekerja bila-bila masa
Sedar kerja itu ibadah kita
Guru mesti berhati mulia
Semoga Allah memberkati semua
Semoga semua cikgu berjiwa guru

smkpp14(1)
10 Jan 2014
www.zukidin.com

Bahan 2

Cikgu Abas tahu cara pengajaran Fuad amat meletihkan.

Dia jarang-jarang mengajar di hadapan kelas, sebaliknya lebih suka menghampiri murid secara individu. Walaupun tidak pernah melihat Fuad mengajar secara terus, sekali imbas sahaja Cikgu Abas sudah dapat membaca kaedah pengajaran Fuad. Dia menunjuk ajar dan membaiki kesilapan murid satu persatu. Begitu memenatkan kalau dibandingkan dengan jumlah muridnya, tetapi itulah Fuad. Setiap hari dia pulang lewat, tidak kira terlibat dengan kelas lanjutan ataupun tidak.

Memang benar guru-guru lain semuanya bagus, malah banyak yang jauh lebih baik daripadanya. Namun, bagi Cikgu Abas, Fuad istimewa. Kesedarannya asli. Dia ibarat sehelai kain putih yang boleh dicorakkan atau seorang bayi yang masih boleh dibentuk.

Dipetik daripada novel *Melunas Rindu*
oleh Hartini Hamzah,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud frasa *kelakuan kita jadi ikutan*.

Calon perlu memberikan **maksud frasa** *kelakuan kita jadi ikutan*.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

7.1)	Berdasarkan bahan 1, maksud frasa <i>kelakuan kita jadi ikutan</i> ialah tabiat kita sebagai lontoh.
------	--

Calon dapat memberikan maksud frasa yang tepat dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(i)	Berdasarkan Bahan 1, maksud frasa kita <i>kelakuan kita menjadi ikutan</i> ialah perbuatan kita menjadi panduan.
-----	---

Calon hanya memberikan maksud sebahagian frasa dan menyalin semula satu perkataan yang diuji.

Soalan 7 (ii)

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, pengarang menyatakan ciri-ciri seorang guru yang dapat diteladani.

Nyatakan ciri-ciri tersebut.

Calon perlu menyatakan **ciri-ciri** seorang guru yang dapat diteladani.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(ii) Merujuk Bahan 1, ciri - ciri seorang guru yang dapat diteladani ialah
guru sentiasa bersifat pemaaf dan berhati mulia.
Merujuk Bahan 2, ciri - ciri seorang guru yang dapat diteladani ialah
guru sentiasa menunjuk ajar dan memperbaiki kesilapan murid ma murid
satu persatu.

Calon dapat memberikan isi yang tepat, menyentuh semua bahan dan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(ii) Dengan merujuk bahan 1, ciri seorang guru yang dapat diteladani
termasuklah seorang yang pemaaf. Dengan merujuk bahan 2 pula,
ciri seorang guru yang dapat diteladani termasuklah memperbaiki
kesilapan murid satu persatu.

Calon tidak dapat memberikan isi yang cukup namun ayat masih gramatis.

Soalan 7 (iii)

- (iii) Peranan seorang guru untuk mendidik anak-anak bangsa sangat penting agar menjadi rakyat yang berguna kepada masyarakat dan negara. Mereka sanggup berkorban walaupun terdapat pelbagai isu yang perlu dihadapi oleh mereka.

Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan tugas tersebut?

Calon perlu memberikan **cabaran-cabaran** yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan tugas tersebut.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

iii)	Pada pendapat saya, cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan tugas tersebut ialah masalah disiplin murid-murid yang buruk. Selain itu, cabaran lain pula ialah kemudahan pembelajaran yang kurang lengkap seperti tiada papan putih di kelas. Di samping itu, cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan tugas tersebut ialah cabaran berkomunikasi yang disebabkan oleh bahasa ibunda yang berbeza dalam bahasa dan kekurangan penguasaan bahasa Melayu yang lemah oleh murid-murid. Akhirnya, kehadiran yang rendah juga salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru.
------	--

Calon dapat memberikan isi cukup dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(iii)	Pada pendapat saya, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan tugas tersebut ialah kekurangan waktu bersama keluarga pada hujung minggu jika beliau terlibat dengan aktiviti di sekolah. Seterusnya, waktu rehat yang singkat kerana kepadatan terikat dengan jadual pelajaran yang padat. Selain itu, sebagai guru wajarlah jika menghadapi masalah pelajar yang malas menyiapkan kerja rumah.
-------	---

Calon tidak dapat memberikan isi yang cukup dan relevan tetapi masih menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 7 (iv)

- (iv) Kehadiran murid tingkatan lima di sekolah anda agak merosot akhir-akhir ini. Kadang-kala kehadiran harian murid berada di bawah 95 peratus. Hal ini amat membimbangkan kerana masalah kehadiran akan mengganggu prestasi akademik murid-murid tersebut dan perlu diatasi segera.

Sebagai seorang kaunselor, nyatakan cadangan-cadangan yang akan anda ambil dalam usaha mengatasi masalah tersebut.

Calon perlu menyatakan **cadangan-cadangan** yang akan diambil oleh kaunselor dalam usaha mengatasi masalah kehadiran murid tingkatan lima.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

iv) Sebagai seorang kaunselor, cadangan-cadangan yang akan saya ambil dalam usaha mengatasi masalah tersebut ialah saya akan mengadakan kempen Jom Datang ke sekolah untuk menarik minat murid-murid. Selain itu, saya akan berjumpa dengan ibu bapa murid untuk mengetahui keadaannya. Seterusnya, saya akan memberikan sijil pengiktirafan ^{untuk murid-murid yang menghadiri} kehadiran penuh ~~untuk murid-murid~~. Di samping itu, saya akan mengadakan ceramah berkaitan dengan manfaat datang ke sekolah. Tanpa Tambahan pula, saya akan berjumpa dengan murid-murid yang tidak hadir ke sekolah pada hari-hari. Lebih-lebih lagi, saya akan bertanya kepada kawan-kawan mereka tentang sebab tidak hadir ke sekolah.

Calon dapat memberikan isi cukup dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(iv) Sebagai seorang kaunselor, cadangan - cadangan yang akan saya ambil
berjumpa dengan
dalam usaha mengatasi masalah tersebut ialah saya akan murid - murid yang
tidak hadir ke sekolah dan menanyakan kepada mereka berkaitan masalah yang
dihadapi sehingga tidak hadir ke sekolah. Selain itu, saya akan memberikan
konsultasi kepada mereka dan mencuba untuk merapatkan diri dengan murid
tersebut supaya mereka akan lebih bersemangat untuk pergi ke sekolah.
Saya juga akan berjumpa ibu bapa murid tersebut dan menasihati mereka
untuk sentiasa memberikan sokongan kepada anak mereka.

Calon tidak dapat memberikan isi yang cukup dan relevan tetapi masih menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 8 (i)

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pentas persembahan juga telah terhias indah. Perkara yang lebih mengharukan, ada kalangan penduduk kampung yang turut sudi meminjamkan pasu-pasu berisi pokok bunga untuk menghias pentas. Pasu-pasu itu akan kekal di situ sehinggalah selesai malam sambutan kemerdekaan nanti.

Pengesahan daripada beberapa orang penyair yang pernah memenangi pertandingan deklamasi puisi peringkat negeri cukup melegakan hatiku. Aku amat berterima kasih kepada semua pihak, terutama jawatankuasa yang dilantik yang telah memberikan komitmen yang tinggi bagi menjayakan majlis itu. Kesungguhan mereka benar-benar terserlah apabila mereka sanggup datang beberapa malam berturut-turut untuk membuat persiapan. Kaum wanita juga sanggup datang untuk menghias dan mengindahkan pentas. Kesibukan itu menjadikan balai raya cukup meriah.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*
karya Nizar Parman,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan perkara-perkara yang mengharukan dan melegakan hati 'aku'.

Calon perlu mengemukakan **perkara-perkara** yang mengharukan dan melegakan hati 'aku'.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

i) Perkara-perkara yang mengharukan dan melegakan hati 'aku' ialah ada kalangan penduduk kampung yang turut sudi meminjamkan pasu-pasu berisi pokok ~~po~~ bunga untuk menghias pentas, pengesahan daripada beberapa orang penyair yang pernah memenangi pertandingan deklamasi puisi peringkat negeri cukup melegakan hatiku, kesungguhan mereka benar-benar terserlah apabila mereka sanggup datang beberapa malam berturut-turut untuk membuat persiapan ^{dan} kaum wanita juga sanggup datang untuk menghias dan mengindahkan pentas.

Calon dapat memberikan tiga isi tepat berdasarkan tugas dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

i) perkara yang mengharumkan dan melegalkan hati aku ialah kalangan penduduk kampung yang turut sudi meminjamkan pasu-pasu berisi pokok bunga untuk menghias pentas. Selain itu, daripada beberapa orang penyair yang pernah memenangi pertandingan deklamasi puisi peringkat negeri. Seterusnya, kaum wanita juga sanggup datang untuk menghias dan mengindahkan pentas. Tambahan pula, kesibutan itu menjadikan balai raya cukup meriah

Calon memberikan hanya satu isi lengkap dan menepati kehendak soalan. Bahasa yang digunakan masih gramatis.

Soalan 8 (ii)

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang dapat memberikan galakan dan dorongan untuk mencapai sesuatu kejayaan bagi setiap novel.

Calon perlu memberikan **satu peristiwa** yang dapat memberikan galakan dan dorongan untuk mencapai sesuatu kejayaan bagi setiap novel.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

ii) Berdasarkan novel yang telah saya pelajari iaitu novel Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin dan novel Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip. Terdapat peristiwa-peristiwa yang dapat memberikan galakan dan dorah dorongan untuk mencapai sesuatu kejayaan.
Peristiwa yang memberikan do galakan dan dorongan daripada novel Jen Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip ialah peristiwa bahlia belajar bersungguh-sungguh. walaupun bahlia terpaksa keluar dari asrama untuk menjaga adik-adiknya, namun bahlia tetap mengutamakan pela mengulang kaji pelajaran. Akhirnya bahlia, ber berjaya men melanjutkan pelajaran di Jepun. Peristiwa ini dapat memberikan galakan dan dorongan untuk mencapai sesuatu kejayaan kerana eta sikap seorang gadis yang gigih belajar walaupun menghadapi pelbagai cabaran.
Peristiwa daripada novel Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Ma Ruhaini Matdarin ialah peristiwa Lili, ba Geetha dan banel bekerjasama menyelesaikan isu kubah. Lili, Geetha dan banel mewakili golongan remaja bekerjasama menyelesaikan isu orang kampung yang ^{hanya} ingin kubah dipasang di surau yang sudah lama usianya. Akhirnya, mereka berjaya menyelesaikan isu kubah yang menjadi pertikaian orang kampung. Peristiwa ini memberikan galakan dan dorongan untuk mencapai sesuatu kejayaan kerana sikap remaja yang berganding bahu menyelesaikan isu + di persekitaran sehingga berjaya.

Calon dapat memberikan satu peristiwa yang dapat memberikan galakan dan dorongan untuk mencapai sesuatu kejayaan dengan jelas bagi setiap novel. Ayat yang digunakan gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

ii) Novel yang saya pelajari ialah novel Jendela Menghadap Jalan karya Zubaini Matdario dan novel Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip. ^{Dalam} ~~Di dalam~~ novel tersebut terdapat peristiwa yang dapat memberikan galakan dan dorongan untuk mencapai sesuatu kejayaan.

Peristiwa pertama ialah peristiwa Danel berusaha ~~bersungguh~~ bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan Lili yang diculik oleh Rafiq dan Hafiz Haziq. Peristiwa ini dapat memberikan galakan dan dorongan untuk mencapai sesuatu kejayaan kerana Danel tetap berusaha untuk menyelamatkan walaupun berbahaya.

Peristiwa kedua ialah peristiwa Dahlia yang terjun ke dalam sungai berarus deras ~~di~~ di hadapan rumahnya untuk menyelamatkan Suid yang kemas. Peristiwa ini dapat memberikan galakan dan dorongan untuk mencapai sesuatu kejayaan kerana Dahlia tetap gigih dan berani untuk terjun ke dalam sungai walaupun menghadapi ancaman untuk menyelamatkan Suid.

Calon dapat memberikan satu peristiwa yang dapat memberikan galakan dan dorongan untuk mencapai kejayaan dengan jelas bagi setiap novel. Ayat yang digunakan gramatis tetapi huraian peristiwa tidak tepat.

2.6 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B

2.6.1 Calon

- a) Menguasai tema yang terdapat dalam DSKP.
- b) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan terkini seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa dan bahan bacaan dalam Internet.
- c) Mengetahui pelbagai isu semasa.
- d) Menguasai peristiwa yang terdapat dalam novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- e) Memahami kehendak soalan dengan jelas dan markah yang diperuntukkan untuk setiap soalan.
- f) Menguasai teknik menjawab semua jenis soalan pemahaman.

2.6.2 Guru

- a) Menggunakan pelbagai sumber bahan pembelajaran.
- b) Menguasai tema yang terdapat dalam DSKP.
- c) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan terkini seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa dan bahan bacaan dalam Internet.
- d) Menguasai teknik menjawab semua jenis soalan pemahaman.
- e) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

2.7 PRESTASI CALON BAHAGIAN C

2.7.1 Prestasi Keseluruhan

Jawapan calon secara keseluruhannya pada tahap yang baik. Calon menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan memindahkan maklumat daripada semua bahan dengan menggunakan bahasa yang gramatis. Sebahagian besar daripada calon berjaya mengenal pasti dua fokus yang terdapat dalam semua bahan.

2.7.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat menulis rumusan dengan tepat iaitu pendahuluan, lapan isi daripada dua fokus yang menyentuh semua bahan dan kesimpulan. Calon menggunakan ayat yang gramatis dan hanya terdapat kesalahan bahasa yang minimum. Calon juga menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan memindahkan maklumat daripada semua bahan.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon masih dapat menulis rumusan dengan baik dan menepati dua fokus tetapi tidak menyentuh semua bahan. Isi rumusan kurang daripada lapan, tidak lengkap tetapi masih menepati format, gramatis dan hanya terdapat kesalahan bahasa yang minimum.

Soalan 9 (i)

- 9 Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan. Kemudian, buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal setiap bahan.

Bahan 1

Pencemaran sungai merupakan isu yang sangat membimbangkan kerana boleh menyebabkan krisis air di Malaysia. Pencemaran air di negara ini banyak berlaku pada tahun 2018, 2019 dan 2020, khususnya di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya. Akhbar tempatan melaporkan bahawa hampir semua kes pencemaran sungai yang didokumentasikan oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1990-an, berpunca daripada pembuangan sisa berbahaya seperti metana, hidrogen klorida dan benzena. Sebagai contoh, pada bulan November 1999, sebuah syarikat swasta didenda sebanyak RM50 ribu kerana kesalahan membuang empat tong sisa cat berbahaya di Kampung Bukit Kapar, Selangor. Selaras dengan ini, pihak kerajaan perlulah meningkatkan denda terhadap pesalah yang mencemarkan sungai. Kerajaan negeri Selangor mencadangkan peningkatan denda untuk kesalahan pencemaran sungai, iaitu daripada RM500 ribu hingga RM1 juta.

Sikap masyarakat yang suka membuang sampah ke dalam sungai turut menyebabkan berlakunya pencemaran. Akhbar The Star (10 April, 2015) melaporkan bahawa jumlah sampah yang dikeluarkan dari Sungai Pinang, Pulau Pinang pada tahun 2014 ialah 50 tan metrik. Pada tahun 2015 pula sampah dianggarkan sebanyak 206.32 tan metrik. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu menyelitikan unsur pendidikan alam sekitar dalam kalangan murid melalui beberapa mata pelajaran, antaranya Geografi, Sains dan Pendidikan Moral untuk meningkatkan pengetahuan tentang alam sekitar. KPM juga disarankan supaya mewujudkan mata pelajaran khusus berkaitan dengan alam sekitar dalam kurikulum sekolah untuk memberikan pendidikan alam sekitar yang komprehensif.

Terdapat juga sungai yang tercemar kerana air sisa buangan dari bangunan-bangunan yang tidak dilengkapi dengan sistem rawatan air buangan pusat. Hal ini disebabkan oleh bahan buangan tersebut terus mengalir ke dalam longkang dan sungai tanpa sebarang rawatan. Oleh hal yang demikian, pihak berkuasa tempatan perlu memastikan setiap bangunan dilengkapi dengan sistem rawatan air buangan pusat seperti yang diproses oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Natijahnya, pengurusan sumber air bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi juga merupakan tanggungjawab semua pihak. Jika semua pihak tidak memainkan peranan, masalah pencemaran sungai akan terus berleluasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kelestarian Sumber Air di Malaysia'
oleh Chan Ngai Weng,
Dewan Kosmik, Bil. 03/2021

Bahan 2

GURINDAM SUNGAI KITA

Sungai mengalir anugerah Tuhan,
Khazanah alam mesti dipertahan.

Pohon-pohon ditebang kian berganda,
Cinta pada sungai telah tiada.

Sungai berkeladak keruh menguning,
Usah diimpi air jernih nan hening.

Bidang pertanian bahan kimia diguna,
Tanaman subur mengundang bahana.

Andai melestari alam tidak disungguhi,
Tanda sungai sudah kita musuhi.

Fira Nora,
Pinetree Batu Pahat, 2022

Bahan 3



Calon perlu menulis rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

a)

Rumusan membincangkan faktor-faktor pencemaran sungai dan langkah-langkah membendung pencemaran sungai.

Antara faktor pencemaran sungai ialah pembuangan sisa bahaya. Seterusnya, sikap masyarakat yang suka membuang sampah ke dalam sungai turut menyebabkan berlakunya pencemaran. Seterus penggunaan bahan kimia dalam bidang pertanian. Akhir sekali, tangan-tangan manusia yang melakukan pembalakan haram.

Antara langkah membendung pencemaran sungai ialah pihak kerajaan perlulah meningkatkan denda terhadap pesalah yang mencemarkan sungai. Seterusnya, KPM juga disarankan supaya mewujudkan mata pelajaran khusus berkaitan dengan alam sekitar dalam kurikulum sekolah. Kemudian, pihak berkuasa tempatan perlu memastikan setiap bangunan dilengkapi dengan sistem rawatan air buangan pusat. Akhir sekali, kita perlu memupuk kesedaran masyarakat tentang kepentingan sungai.

~~Ke~~ Kesimpulannya, pencemaran sungai perlu ~~deb~~ dibendung ^{yang seimbang} agar ekosistem dapat dipelihara dengan baik.

115 patah perkataan

Calon dapat menulis rumusan dengan memberikan pendahuluan yang betul dan lapang isi daripada dua fokus yang menyentuh semua bahan. Kesimpulan yang dikemukakan menepati tema dan menyatakan cadangan serta kesannya. Ayat yang digunakan gramatis dan tidak melebihi 120 patah perkataan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Rumusan membincangkan punca-punca pencemaran sungai dan cara-cara pemeliharaan sungai.
Punca-punca pencemaran sungai termasuklah peningkatan penebangan pohon-pohon. Selain itu, bidang pertanian menggunakan bahan kimia. Seterusnya, sikap masyarakat yang suka membuang sampah ke dalam sungai. Di samping itu, air sisa buangan dari bangunan-bangunan yang tidak dilengkapi dengan sistem rawatan air buangan pusat.
Cara-cara pemeliharaan sungai termasuklah kita perlu memupuk kesedaran masyarakat tentang kepentingan sungai. Selain itu, pihak kerajaan perlu meningkatkan denda terhadap pesalah yang mencemarkan sungai. Seterusnya, KPM juga disarankan supaya mewujudkan mata pelajaran khusus berkaitan dengan alam sekitar dalam kurikulum sekolah untuk membekalkan pendidikan nmat alam sekitar yang komprehensif.
Kesimpulannya, pencemaran sungai perlulah dititikberatkan agar dapat dibendung sebelum membarah.
(107 patah perkataan)

Calon tidak dapat menulis pendahuluan rumusan dengan tepat. Isi yang diberikan tidak cukup dan tidak menyentuh semua fokus daripada semua bahan. Cadangan yang diberikan dalam bahagian kesimpulan tidak menepati tema bahan yang diuji. Ayat yang digunakan gramatis. Jumlah perkataan tidak melebihi 120 patah perkataan.

2.8 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN C

2.8.1 Calon

- a) Menguasai kemahiran membaca dan menganalisis pelbagai bahan.
- b) Membudayakan perbincangan dengan rakan-rakan tentang pelbagai isu semasa.
- c) Menguasai teknik penulisan rumusan yang betul.
- d) Membezakan isi dan huraian dalam bahan yang diuji.
- e) Memperbanyak latihan rumusan untuk mengesan fokus.

2.8.2 Guru

- a) Menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar.
- b) Meningkatkan kemahiran membina item yang standard mengikut format Sijil Pelajaran Malaysia.
- c) Menguasai kemahiran memeriksa jawapan rumusan dengan betul.
- d) Meningkatkan ilmu pengetahuan dengan membaca pelbagai sumber bahan bacaan.
- e) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

PENGHARGAAN

PENGERUSI

TUAN AB AZIZ BIN MAMAT K.M.W.

URUS SETIA

PUAN ROSLIZA BINTI MOHD ROSLI

DR. JAIN BIN CHEE

PUAN HALILAH BINTI HAMIDUN

PUAN ZALIHA BINTI MOHAMAD

ENCIK RAFIZRIN BIN RAFLI

PUAN ARIE SAKINAH BINTI ABDUSSYUKUR

EDITOR

PUAN NORAZAH BINTI BIDI

PUAN IYLIA NATASYA BINTI ANUAR

CIK NURUL ATIQA BINTI OMAR

PUAN NUR AIN BINTI MOHD NIZAM

CIK SITI FADZILAH BINTI ABU BAKAR

PUAN JALILAH BINTI SHAIK ABDULLAH

CIK NURUL IZZAH BINTI MOHD SIROJ

PUAN NORHATINI BINTI SHAARI

PUAN TAN SHAN XI

PUAN HOO LEE CHUN

PANEL PENULIS

KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1

KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2

KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2

KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2

KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2

KP & KPB KIMIA SPM KERTAS 2

KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 1

KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 2



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
BLOK E11, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA, MALAYSIA
+603-88843785/3787
khidmatbantu.lp@moe.gov.my**